

e-proceeding


Technology, Science, Social Science & Humanities
International Conference 2022

Tesshi



Reengineering
Knowledge &
Creativity for
Global Excellence

30
June



***E-PROCEEDINGS
TECHNOLOGY, SCIENCE, SOCIAL SCIENCES AND
HUMANITIES INTERNATIONAL CONFERENCE
TeSSH I 2022***

**Reengineering Knowledge and Creativity
for Global Excellence**

Copy Editors:

***Nor Azrina Mohd Yusof (Dr.)
Lee Chai Chuen
Juaini Jamaludin
Normaziana Hassan***

**Papers presented online at
Technology, Science, Social Sciences and Humanities
International Conference 2022 (TeSSH I 2022)
30 June 2022
UiTM Cawangan Kedah, Merbok
Kedah, Malaysia**

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN KEDAH

Copyright © 2022 is held by the owner/authors(s). These papers are published in their original version without editing the content.

The views, opinions and technical recommendations expressed by the contributors are entirely their own and do not necessarily reflect the views of the editors, the Faculty or the University.

Copy Editors/Layout :Nor Azrina Mohd Yusof (Dr.)
Lee Chai Chuen
Juaini Jamaludin
Normaziana Hassan

Cover Design :Asrol Hasan

eISBN : 978-967-2948-33-9

Published by : Universiti Teknologi MARA CawanganKedah,
08400 Merbok,
Kedah,
Malaysia.

Printed by : Perpustakaan Sultan Badlishah
Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah,
08400 Merbok,
Kedah,
Malaysia.

Foreword

The papers compiled in these e-proceedings are papers presented online at Technology, Science, Social Sciences and Humanities International Conference 2022 (TeSSH I 2022) held on 30 June 2022 at Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Kedah, Kedah, Malaysia. With the theme, ***Reengineering Knowledge and Creativity for Global Excellence***, the conference has brought together presenters of diverse background who shared their conceptual and empirical papers in broad areas that are subsumed under the fields of Technology, Science, Social Sciences and Humanities. These e-proceedings comprise current researches that were undertaken with the rigorous endeavour of knowledge enhancement to ensure that the world of academia will continue to flourish. It is thus hoped that readers will significantly benefit from knowledge contained in these proceedings.

TeSSH I 2022 and these e-proceedings would not have been possible without the great efforts from the presenters, and the generous support from the TeSSH I 2022 committee members and the Rector of UiTM Cawangan Kedah, Prof. Dr. Mohamad Abdullah Hemdi. A heartfelt gratitude is extended to all involved. It is hoped that these e-proceedings will be an impetus to stimulate further studies and research that benefit the society at large.

TABLE OF CONTENTS

1	A Conceptual Paper on Factors That Affect the Shariah Compliance Auditing Among the Islamic Financial Institutions in Malaysia	1
	Saifulrizan Norizan & Marjan Mohd Nor	
2	A Qualitative Study of Entrepreneurial Intention Among UiTM Kedah Accounting Students During Covid-19 Pandemic	8
	Mazlifa Md. Daud, Noora'in Omar, Muhammad Hariz Hamid, Mohd Hafiz Hashim & Anwar Johari	
3	A Review on By-Laws of Alor Setar City Council (MBAS)	21
	Nor Zaini Zainal Abidin, Nur Irinah Mohamad Sirat & Nurul Mazrah Manshor	
4	Accounting For Agriculture in Malaysia: A Special Attention to Aquaculture	27
	Saifulrizan Norizan, Mohd Halim Kadri, Zarina Abu Bakar & Juyati Mohd Amin	
5	Age-Friendly Environment for Older People: Challenges and Plans	34
	Noorlailahusna Mohd Yusof & Suziana Mat Yasin	
6	Aplikasi Inovasi E2 Kit 1.0 Dalam Proses Pengajaran Dan Pembelajaran Litar Asas Elektrik	40
	Siti Rohaiza Zainol, Noor Aziana Abu Taib & Wan Nadirah Rosli	
7	Basic Of Differentiation Using Three Alternative Approach in Seberang Perai Polytechnic	50
	Siti Faridah Ismail, Rosila Adnan & Rohani Hamsan	
8	Bio Natural Food Seasoning from Eugenia Cephalanthum Using Dehydration Method	60
	Hidayah Julaihi, Theivya A/P Santhanasamy & Felicia Bong Lee Chen	
9	Cabaran dan Masa Depan Muzium Negeri Kedah	68
	Juaini Jamaludin	
10	Co-Integration Between Malaysia Stock Market, ASEAN and ASEAN Plus Three Countries During Pre and Post 14th Malaysia's General Election: A Short Run Analysis	72
	Anas Fathul Ariffin, Muhammad Akmal Hakim & Muhammad Hilmi Samian	
11	Computer Science Students' Learning Preferences, Mental Health, And Emotional Issues During Pandemic Covid-19 While Moving Towards Endemic	78
	Ahmad Faiz Ghazali, Noor Azrin Zainuddin, Ahmad Kamalrulzaman Othman & Yusnita Sokman	
12	Customer's Satisfaction: The Role of Food Quality, Service Quality and Ease of Website in Online Food Delivery	86
	Nur Afifah Aliah Husaini, Norhamizan Hamir, Rashid Salleh & Zamri Ahmad	
13	Digital inheritance: Legal Challenges in Malaysia	98
	Nor Azlina Mohd Nor & Ahmad Shamsul Abd Aziz	

14	Digital Literacy: Presentation Made Easy with ACE Alice Shanthi, Nur Izzah Jamil, Sheela Paramasivam, Siti Noor Dian Ahmad & Mohd Nur Fitri Mohd Salim	106
15	Diploma Students' Perceptions of Online Assessment: The Anchor That Holds Them in The ESL Classroom Jaqueline Susan Rijeng, Imelia Laura Daneil, Kimberley Lau Yih Long, Tang Howe Eng & Christine Jacqueline Runggol	115
16	Evolusi Tadbir Urus Dan Perundangan Wakaf Di Malaysia: Satu Analisis Rohayati Hussin, Mohd Zulharmey Abdullah, Afiffudin Mohammed Noor & Farahdina Fazial	125
17	Exploring Strategies to Reduce Adolescents' Involvement in Risky Behaviours from The Perspective Of A Probation Officer Lina Mursyidah Hamzah, Sharifah Muzlia Syed Mustafa, Nurul Fitriah Alias & Norazah Abdul Aziz	142
18	Factors That Lead to Poor Mental Health of Social Media User among UiTM Kedah Degree Students Nur Elisa Aqila Amir Yusrie, Sarah Sabir Ahmad, Azfahane Zakaria & Mhd Azmin Mat Seman	147
19	How The Covid-19 Pandemic Has Increased the Risk of Compulsive Buying Behaviour And Online Shopping Addiction For Apparel Purchasing In Malaysia: An Overview Of Generation Y And Generation Z Normaziana Hassan, Basitah Taif & Rosita Mohd Tajuddin	155
20	Hubungan Antara Impak Teknologi Maklumat Dan Budaya Organisasi Dalam Kalangan Kakitangan FRIM Nor Arinah Mohamed Zemudin, Muhammad Badri Ishak, Nurul Madiha Mohd Ilham & Wan Nur Syazmira Wan Suhaimi	168
21	Inhibiting Factors to Successful Virtual Teaching and Learning in Engineering Science Topic from the Perspectives of Polytechnic Lecturers Nurul Ain Saipudin, Noorul Amilin Saipudin & Nornazira Suhairom	174
22	Inovasi Sosial Melalui Program Akademik Intensif untuk Pelajar STPM Aliran Sains Tercicir Marinah Muhammad, Wong Hie Ling, Aainaa Syazwani Mohamad Amir Hamzah & NoorJanatun Naim Jemali	183
23	Investigating the Usefulness of TikTok as an Educational Tool in Learning Chemistry Nur Farha Shaafi, Mohammad Mubarrak Mohd Yusof, Nurul Nabilla Mohammad Khalipah & Norhazly Mohd Hanif	187
24	IPQUEUE: Indoor Premises Control Using Quick Response (QR) Code for Covid-19 Pandemic Mohd Suffian Sulaiman, Zuraidah Derasit & Sharizah Shahar	200

25	Kajian Arah Kiblat Liang Lahat Lama Bagi Tanah Perkuburan Islam Syed Idrus Syed Salim & Nor Asmadi Asri	213
26	Keberkesanan Kaedah Masa Hakiki Sistem Penentududukan Sejagat Dalam Penubuhan Stesen Kawalan Kerja Ukur Tanah Asiah Abdul Satar, Nor Azme Nordin & Sulzakimin Mohamed	220
27	Kesediaan Pensyarah Sains Kejuruteraan Dalam Pelaksanaan Mini Projek Secara Hibrid Di Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah Nur Elyani Musa, Shamsul Arif Ismail & Azlina Hassan	229
28	Keunikan Partikel 'Lah' Dalam Terjemahan Surah Yasin di Malaysia Mohd Sufian Ismail & Anida Sarudin	238
29	LEVs As an Assessment Tool for Affective Domain In Laboratory Courses For Diploma In Civil Engineering Narita Noh, Noor Raifana Ab Rahim, Nur Zaidani Wati Mohd Darwis & Juwita Asfar	246
30	Measurements of Customer's Satisfaction towards Courier Services in Malaysia during Covid-19 among Students in UiTM Kedah Siti Nursyahirah Zaffendee, Sarah Sabir Ahmad, Azfahane Zakaria & Mhd Azmin Mat Seman	256
31	Measurements Of Depression Level Among Students in UiTM Kedah Adlin Mohd Anizam, Sarah Sabir Ahmad, Azfahane Zakaria & Syed Mohammed Alhady Syed Ahmad Alhady	264
32	Media Arts as An Art-Based Interventions in the Institutional Care Environment Raja Eda Shabina Raja Raimie, Mohammad Kamal Sabran & Nur Zaidi Azraai	270
33	Mengatasi Kesalahan Umum Yang Pelajar Lakukan Semasa Menjawab Soalan Peperiksaan Sains Kejuruteraan Nur Azilina Abdul Aziz, Koa Chee Hoon & Siti Aishah Azmi	279
34	Pelaksanaan Wakaf Air di Malaysia: Satu Tinjauan Tadbir Urus Dan Perundangan Nurul Mazrah Manshor, Rohayati Hussin, Syatirah Abu Bakar, Nur Irinah Mohamad Sirat & Salmah Roslim	288
35	Pembangunan MOOC Bagi Kursus Foundation Mandarin (Level II) Berpanduan Model ADDIE Ting Hie Ling	294
36	Pengaruh Budaya Merantau Terhadap Evolusi Seni Bina Rumah Tradisional Negeri Sembilan, Malaysia Mohamad Hanif Abdul Wahab, Azizi Bahauddin & Nor Aniswati Awang Lah	302
37	Pengesanan Graduan Kolej Komuniti Jelebu Ketika Pandemik Covid-19 Noor Aziana Abu Taib, Siti Rohaiza Zainol & Zainatul Fakhir Zainon	313
38	Penggunaan iPad Dalam Menambakbaik Interaksi Di Kalangan Pensyarah Dan Pelajar Bagi Kursus Matematik Kejuruteraan 1 Mohd Syukor Che Omar & Azlina Hassan	317

39	Penggunaan Video <i>YouTube</i> Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Mandarin: Satu Tinjauan Awal	328
	Lee Chai Chuen & Nor Azrina Mohd Yusof	
40	Penguatkuasaan Undang-Undang Dalam Menangani Penyalahgunaan Media Sosial di Malaysia	333
	Ahmad Shamsul Abd Aziz & Nor Azlina Mohd Nor	
41	Penyampaian Amalan Pengajaran Dan Pembelajaran (Laboratory Work) Secara Atas Talian Terhadap Pembelajaran Pelajar Diploma Geomatik Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah	343
	Nur Aisah Ab Moin & Asiah Abdul Satar	
42	Pelaksanaan Ujian Pra Sebagai Alternatif Untuk Meningkatkan Pencapaian Markah Pelajar Bagi Kursus DBM20023 Matematik Kejuruteraan 2	351
	Siti Norhazlina Shafie & Rosila Adnan	
43	Persepsi Pelajar Terhadap Penggunaan E-Book Dalam Menyelesaikan Tugas Kajian Kes	359
	Farah Abdul Malek, Rohaida Abu Bakar & Liyana Murni	
44	Promoting Learner Autonomy Through Online Global Interactions Among ESL Students	365
	Sharina Saad, Rafidah Amat & Nor Asni Syahriza Abu Hassan	
45	Remote Learning in The Time of Post - Covid-19: The Conceptual Framework of An Interactive PdPR For Primary School Via Visual Basic Programming	380
	Aslina Omar, Samsiah Abdul Razak, Nur Insyirah Mohamad Radzi & Ini Imaina Abdullah	
46	Strategi Pembelajaran Bahasa Melayu dalam Kalangan Murid Cina di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina	385
	Wee Kee Quan, Zamri Mahamod & Shamsul Aizuwani Nawi	
47	Stres Dan Kepuasan Kerja: Analisis Inferensi Faktor Gender Dan Status Perkahwinan Dalam Kepuasan Kerja Pensyarah IPG	397
	Punitha Muniandy, Khairani Zakariya, Azhar Mohd Ali & Ahmad Sukari Mohamad	
48	Student Satisfaction of Public Transportation at UiTM Kedah	408
	Muhammad Azizi Azizurrahim, Sarah Sabir Ahmad, Azfahane Zakaria & Mhd Azmin Mat Seman	
49	Sustainable Smart Retirement City: A Concept Paper	417
	Nazmi @ Nazni Noordin, Zaherawati Zakaria, Mohd Zool Hilmie Mohamed Sawal, Mohd Syahmizan Azmi & Adnan Aminuddin	
50	Teknik Retorik Lafaz-Lafaz Berkaitan Dengan Syaitan Dalam Al-Quran	425
	Muhamad Khairul Anuar Zulkepli, Burhanuddin Wahab, Ahmad Fauzi Yahaya & Mohd Zulkhairi Abd Hamid	
51	The Determinants and Impact of Social Media Content on Consumer Engagement	438
	Marha Abdol Ghapar, Azlina Shamsudin, Nazlin Emieza Ngah & Nur Dalila Adenan	

52	The Distraction That Affects Students Focus	446
	Nur Khalyda Kamarol Hisham, Sarah Sabir Ahmad, Azfahanee Zakaria & Syed Mohammed Alhady Syed Ahmad Alhady	
53	The Effects of Varying the Duty Cycle to The Output Voltage in Buck Converter	455
	Nurhazwani Saleh	
54	The Impact of i-Pulih Model Towards Methamphetamine Addicts Recovery in PUSPEN Tampin, Melaka	462
	Muhammad Dhamir Audi Azizul, Wan Munira Wan Jaafar, Azlina Mohd Khir & Samir Muhazzab Amin	
55	The Implementation of National Education Assessment System in Malaysian Primary Schools	473
	Shanusi Ahmad, Nor Hasnida Che Md Ghazali & Mohd Nazir Md Zabir	
56	The Influence of Leadership Style on Lecturer's Performance	481
	Azlina Shamsudin, Nalin Emieza Ngah, Marha Abdol Ghapar & Nur Dalila Adenan	
57	The Internet Addiction (IA) Among Youth Generation	487
	Muhammad Arif Ikhwan Aminuddin, Sarah Sabir Ahmad, Azfahanee Zakaria & Mhd Azmin Mat Seman	
58	The Relationship Between Curricular Activities Among Students' Leadership	493
	Syarifah Nur Bahirah Syed Jamalulil, Sarah Sabir Ahmad, Azfahanee Zakaria & Syed Mohammed Alhady Syed Ahmad Alhady	
59	The Role Entrepreneurship Education in Moderating Intention to Be An Entrepreneur Among Students With Learning Disabilities In Malaysia	504
	Nazlin Emieza Ngah, Nur Dalila Adenan, Azlina Shamsudin & Marha Abdol Ghapar	
60	The Usage of Open Green Space (Planting Strip Area) at the Perimeter of Terrace House Unit by The Residents: Case Study in Taman Sinar Intan, Sungai Petani	511
	Mohd Zikri Mohd Zaki, Nurul Izzaty Zulkipli, Ahmad Faisol Yusof & Tajul Edrus Nordin	
61	The Use of Scaffolding in Helping Students Complete Tasks That Require Higher Order Thinking Skills	525
	Syakirah Mohammed, Fathiyah Ahmad @ Ahmad Jali, Robekkah Harun & Sharina Saad	
62	Time Passed and How Much Time Is Left? A Study on Motivation to Graduate on Time (GOT)	537
	Nur Dalila Adenan, Marha Abdol Ghapar, Nazlin Emieza Ngah & Azlina Shamsudin	
63	Underground Mapping for Islamic Mausoleum	546
	Syed Idrus Syed Salim, Nor Azme Nordin & Sulzakimin Mohamed	

Stres dan Kepuasan Kerja: Analisis Inferensi Faktor Gender dan Status Perkahwinan Dalam Kepuasan Kerja Pensyarah IPG

Punitha Muniandy

Jabatan Perancangan Penyelidikan Inovasi,
Institut Pendidikan Guru Kampus Tuanku Bainun, Pulau Pinang, Malaysia.
punithaipgktb@gmail.com

Khairani Zakariya

Jabatan Perancangan Penyelidikan Inovasi,
Institut Pendidikan Guru Kampus Tuanku Bainun, Pulau Pinang, Malaysia.
khairani3@gmail.com

Azhar Mohd Ali

Jabatan Perancangan Penyelidikan Inovasi,
Institut Pendidikan Guru Kampus Tuanku Bainun, Pulau Pinang, Malaysia.
azna45@yahoo.com

Ahmad Sukari Mohamad

Jabatan Perancangan Penyelidikan Inovasi,
Institut Pendidikan Guru Kampus Tuanku Bainun, Pulau Pinang, Malaysia.
sukari3131@gmail.com

ABSTRAK

Kajian ini telah dilaksanakan susulan daripada kadar persaraan awal pensyarah yang semakin meningkat sejak beberapa tahun kebelakangan ini. Kajian ini bertujuan menganalisis faktor gender dan status perkahwinan dalam pengaruh tahap stres dan kepuasan kerja pensyarah di IPG. Reka bentuk tinjauan menggunakan soal selidik "Google Form" telah digunakan untuk mengumpul data kajian. Seramai 383 orang pensyarah telah mengambil bahagian dalam soal selidik berkenaan. Temu bual susulan turut dijalankan ke atas beberapa orang pensyarah. Hasil kajian memperoleh dua dapatan yang menarik yang mungkin bercanggah dengan bidang kerja lain, iaitu tidak wujud perbezaan yang signifikan antara min tahap stres pensyarah lelaki dan pensyarah perempuan, dan juga status perkahwinan pensyarah. Dalam erti kata lain, perbezaan gender dan status perkahwinan bukan merupakan faktor utama yang mempengaruhi stres pensyarah IPG. Keputusan ujian korelasi Pearson terhadap tahap stres dan kepuasan terhadap tugas menunjukkan bahawa terdapat korelasi songsang yang signifikan walaupun tidak tinggi. Dapatan ini bermaksud bahawa tahap stres yang tinggi akan memberikan kepuasan tugas yang rendah dan begitulah sebaliknya. Rumusan kajian menunjukkan tahap stres dapat dikawal oleh pensyarah lelaki dan perempuan sehinggakan tiada perbezaan ketara antara kedua-dua aspek. Kawalan emosi yang baik serta personaliti penyesuaian diri pensyarah dalam bidang profesion yang diceburi menampakkan semangat kerja yang harus dicontohi.

Kata kunci: Stres, kepuasan kerja, kawalan emosi, penyesuaian diri

PENGENALAN

Profesion perguruan adalah sangat mencabar pada masa kini. Hal ini tidak dapat dinafikan kerana untuk menjadi seorang pengurus pendidikan yang baik, mereka perlu peka dengan perkembangan pendidikan yang terkini dan sanggup untuk menghadapi proses kepemimpinan,

pengurusan, pengelolaan sumber dan pencapaian matlamat pendidikan (Ibrahim, 1995). Oleh sebab sistem pendidikan global yang sentiasa berubah susulan daripada kemajuan dalam ilmu pengetahuan manusia, teknologi digital dan penyampaian maklumat yang pantas dan tanpa sempadan, maka tuntutan masyarakat dan negara terhadap tugas dan kualiti kerja setiap pendidik pun kian meningkat. Keadaan sebegini telah menimbulkan berbagai cabaran kepada setiap warga pendidik termasuk pensyarah IPGK. Mereka perlu sentiasa mengikuti perkembangan dan kemajuan dalam dunia pendidikan IR 4.0 agar tidak tertinggal dalam arus kemajuan. Penyesuaian diri untuk seiring dengan rentak perubahan yang begitu pesat dan pantas ini sudah tentunya akan menimbulkan stres dalam melaksanakan tugas harian.

ULASAN LITERATUR


Stres yang dihadapi akan memberi kesan kepada emosi, psikomatik dan fizikal mereka (Nobile & McCormick, 2005). Mohd Soffian (2021) seorang Perunding Keselamatan dan Kesihatan Awam, berdasarkan laporannya kepada akhbar Sinar Harian memaklumkan bahawa perubahan budaya kerja akibat penularan Covid-19 meningkatkan lagi tekanan kerja bukan sahaja dalam kalangan pekerja swasta, malahan juga kakitangan kerajaan terutamanya warga pendidik. Budaya kerja baharu yang diperkenalkan seperti Bekerja Dari Rumah (BDR) juga memberikan tekanan kepada mereka. Sekalipun Pengajaran dan Pembelajaran dari Rumah (PdPR), mereka sebenarnya terbeban dengan tugas yang berat sewaktu bekerja di rumah kerana tempoh bekerja sudah tidak tetap dan pastinya bebanan kerja turut bertambah. Mereka perlu mengajar, menyemak kerja, membuat perancangan dan sebagainya. Apabila bebanan dan waktu kerja itu berlebihan serta tidur yang tidak mencukupi, maka antara isu yang paling besar adalah stres. Mereka yang terlibat dengan stres ini akan terdedah kepada penyakit jangka panjang lain dan penyakit kronik seperti darah tinggi, strok, sakit jantung dan antara yang sering dibincangkan kini ialah penyakit mental. Pesakit mental berpotensi mengambil tindakan membunuh diri jika tidak rawati pada peringkat awal lagi.

Secara global, Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) melaporkan bahawa fenomena membunuh diri adalah antara 10 penyebab utama kematian di dunia (Noor Hisham, 2019). Malah WHO turut mengakui bahawa stres di tempat kerja memberikan implikasi yang buruk terhadap kesihatan yang mana akan mengganggu kesihatan fizikal, mental dan kesejahteraan sosial pekerja (Costa, 2003). Malahan juga akan menjadi ancaman utama kepada tahap kesihatan manusia menjelang tahun 2020 (Kalia, 2002).

Tidak dapat disangkal bahawa pensyarah merupakan agen utama yang dilantik oleh IPGM bagi mewujudkan sistem pendidikan yang berkualiti setanding peringkat universiti bagi melahirkan tenaga kerja yang boleh menjadi “global player” dengan sifat jati diri yang unggul, inovatif, produktif, berkemahiran, berdaya saing, berdaya tahan dan kreatif bagi menangani segala cabaran dalam arus globalisasi. Justeru, profesion sebagai pensyarah bukanlah sesuatu yang mudah berikutan tanggungjawab yang banyak dan mencabar. Pensyarah bukan sahaja memberikan kuliah pengajaran, malah terlibat dengan tugas-tugas penggubalan dan penilaian kerja kursus dan peperiksaan. Di samping melibatkan diri dengan penyelidikan, penerbitan, inovasi, konsultasi, penyeliaan praktikum dan bimbingan penyelidikan dalam pendidikan.

Stres boleh menjejaskan produktiviti serta kualiti pekerja jika tidak ditangani dengan baik dan berkesan. Berdasarkan laporan Berita Harian, menyatakan kesukaran menangani tekanan kerja (stres) dan beban tugas yang banyak didakwa sebagai punca lebih 20,000 penjawat awam bersara awal setiap tahun (Harun, 2017). Angka ini sungguh membimbangkan, dan langkah awal perlu diambil bagi mengimbangi nisbah pendidik dengan pelajar di IPGK. Terdapat kajian dalam negara dan luar negara yang mengaitkan faktor beban kerja mempengaruhi isu persaraan awal dalam kalangan penjawat awam. Stres boleh mempengaruhi pekerja terbabit dengan memberi kesan pengurangan daya ketahanan terhadap penyakit, mengganggu purata tidur serta menyebabkan kehilangan daya tumpuan. Apabila masalah ini berterusan, perkara ini boleh menyebabkan kecenderungan pekerja untuk melakukan kesilapan dan kecuai. Stres merupakan masalah kesihatan semulajadi yang biasa berlaku di semua peringkat golongan. Menurut Azrul Hisham (2009), tekanan merupakan satu bentuk keadaan ataupun perasaan yang hadir daripada

pengalaman apabila seseorang individu menganggap bahawa permintaan yang diterima oleh mereka adalah tinggi dan tidak mampu untuk dipenuhi atas sebab kekurangan sumber sosial dan peribadi. Stres yang berterusan jika tidak dirawat, mampu mempengaruhi produktiviti atau keberhasilan kerja sesebuah organisasi, yakni IPGK itu sendiri. Produktiviti sesebuah organisasi bergantung kepada kualiti prestasi kerja atau *key performance indicator* (KPI). KPI merupakan satu sistem pengukuran yang mudah, berkesan dan dapat membantu sesebuah organisasi menilai tahap kemajuan pekerja dan perkhidmatan yang ingin disampaikan di tempat kerja (Nordin & Hassan, 2019). Menurut Rohany dan Fatimah (2006), faktor tekanan merupakan fenomena penting dan seringkali dikaitkan dengan prestasi kerja individu, tahap kesihatan dan produktiviti seseorang pekerja. Rentetan itu, kajian telah dijalankan di 27 buah IPGK seluruh Malaysia bagi mengenal pasti faktor penyumbang utama stres dalam kalangan pensyarah IPGK dan menentukan sama ada terdapat hubungan yang signifikan di antara stres dengan kepuasan kerja pensyarah IPGK.



Rajah 1: Stres pensyarah ubahsuai mengikut model Boyle et al (1995)

Sumber: kajian Punitha et al (2022)

Rajah 1 menunjukkan kajian yang dijalankan terhadap stres kerja dalam kalangan pensyarah IPG menjadi faktor penyumbang daripada ATP, TNB, Penyelidikan, Perkhidmatan dan tugas-tugas Penyeliaan (Punitha et al., 2022). Selaras dengan kajian Tajulashikin et al., (2017), tugas guru-guru di Malaysia yang mengajar, menilai pelajar di samping menanggung tanggungjawab lain seperti aktiviti di sekolah, menghadiri kursus dan program bersama ibu bapa turut meninggalkan kesan stres dalam kalangan guru. Profesion perguruan semakin mencabar dan peranan yang semakin berkembang membawa keadaan stres yang tinggi dalam kalangan guru (Ismail & Abdullah 2019). Fakta ini adalah selari dengan Nelson dan Quick (2013), yang menyatakan perubahan dalam arus globalisasi membawa kepada ketidaktentuan, kelemahan dalam melakukan ramalan dan ketidakstabilan dalam dunia pekerjaan. Stres di tempat kerja merupakan satu fenomena yang semakin berleluasa dan pekerja mudah terdedah kepada stres semasa menjalankan sesuatu pekerjaan (Ab. Wahid et al., 2021). Ulasan literatur juga menunjukkan faktor penyumbang dan tahap stres adalah berbeza mengikut jumlah responden dan alat instrumen yang digunakan (Chan et al., 2015).

Sejak kebelakangan ini, faktor stres telah mengubah dan meningkatkan kerisauan dalam mengancam emosi dan kesihatan fizikal (Klassen & Chiu 2010; Oliver & Venter 2003; Zahiruddin & Vevehkanandar 2019). Edaran arus teknologi, turut menyumbangkan peningkatan stres (Zaidatol

Akmaliah et al., 2011). Walau bagaimanapun, Baharin dan Mariam (2013), Klassen dan Chiu (2010), Raja Maria (2011), dan Sipon (2007), mendapati faktor stres adalah berpunca daripada kerja tambahan yang diberikan kepada seseorang individu. Selaras dengan kajian Klassen dan Chiu (2010) di Kanada and Senthilkumar (2018) di Tamil Nadu turut mendapati beban faktor stres adalah dominan ke arah stres.

Status perkahwinan dan faktor jantina menjadi persoalan utama dalam kajian ini. Kedua-dua faktor ini semakin penting dengan perubahan masa dan konteks dalam kehidupan yang terus berubah mengikut arus perkembangan dunia pendidikan. Maka, kajian yang meneliti status perkahwinan dan faktor jantina masih relevan dan menjadi tumpuan kepada para pengkaji bidang psikologi.

Kajian yang telah dijalankan oleh Haring-Hidore et al. (1985) yang menggunakan teknik meta analisis yang menggunakan 58 sumber analisis mendapati bahawa status berkahwin mempunyai perhubungan yang signifikan dengan kesejahteraan psikologi individu.

Hasil kajian oleh Hsu dan Barrett (2020) membuktikan bahawa individu yang berkahwin mempunyai kesejahteraan psikologi yang lebih baik berbanding dengan individu yang tidak berkahwin. Hasil kajian Suzana dan Siti Mariah (2021), mendapati individu yang berkahwin mempunyai sumber yang sedia ada dalam membantu menghadapi stres dalam kehidupan. Dapatan ini disokong oleh Thomas et al. (2017) yang menyatakan bahawa individu yang berkahwin dan mempunyai keluarga memberikan kebaikan yang dapat membantu seseorang individu mencapai kesejahteraan dalam kehidupan. Hal ini kerana hidup berkeluarga menyediakan platform membantu berdaya tindak dengan stres, melibatkan diri dengan tingkah laku yang lebih sihat, meningkatkan penghargaan sendiri yang dapat meningkatkan kesejahteraan psikologikal secara keseluruhan.


Manakala pengaruh jantina disifatkan sebagai perbezaan peranan, fungsi dan tanggungjawab antara lelaki dan wanita yang merupakan hasil pembinaan sosial dan peranan tersebut berubah mengikut peredaran zaman (Sasongko, 2009). Sejarah perbezaan jantina (gender differences) antara lelaki dan perempuan berlaku melalui proses yang sangat panjang dan bersifat sosialisasi gender. Seolah-olah bersifat biologi yang tidak boleh diubah lagi sehinggakan perbezaan jantina dianggap dan difahami sebagai fitrah lelaki dan wanita. Perbezaan jantina merangkumi jenis tekanan yang dialami dan persepsi yang dialami dalam diri seseorang individu. Kajian meta analisis yang menilai perbezaan jantina berhubungan stress, golongan wanita melaporkan keadaan yang lebih kronik berbanding golongan lelaki (Matud, 2004). Tambahan pula, wanita lebih suka melaporkan perkara yang paling menyedihkan termasuk faktor keluarga, kesihatan mental dan berkaitan kesihatan (Matud, 2004; Zuckerman, 1989), tekanan akademik (Misra dan McKean, 2000), dan isu interpersonal (Narayanan et al., 1999). Manakala golongan lelaki lebih cenderung untuk melaporkan isu kewangan dan peristiwa berkaitan kerja (Matud, 2004; McDonough & Walters, 2001).

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif yang dijalankan terhadap pensyarah di IPGK seluruh Malaysia. Reka bentuk kajian ini berbentuk penyelidikan tinjauan yang menggunakan kaedah soal selidik dalam kalangan 383 pensyarah di IPGK. Instrumen kajian terdiri daripada komponen pengukuran stres. Bagi mengukur stres, kajian ini mengadaptasi kriteria soal selidik ASSET, yang digubal berpanduan Amanah Tugas Pensyarah dan Penilaian Prestasi Keberhasilan Pensyarah. Kajian ini melibatkan pensyarah IPGK yang terdiri daripada pelbagai jabatan, iaitu Kecemerlangan Akademik, STEM, Perancangan Penyelidikan Perancangan dan Inovasi, Pengajian Tamil, Pengajian Cina, Pengajian Melayu, Pendidikan Islam dan Moral, Pengajian Inggeris, Ilmu Kemanusiaan dan lain-lain.

Bagi kajian kuantitatif, faktor penyumbang punca stres di tempat kerja diukur berlandaskan spesifikasi kerja yang digariskan oleh pihak IPGM. Manakala, tahap kepuasan kerja pensyarah akan diukur melalui aspek konteks syarahan, bimbingan dan penyeliaan, penyelidikan, penerbitan dan penulisan serta perkhidmatan dan pentadbiran. Skala pengukuran serta item bagi pemboleh ubah kepuasan kerja pensyarah diubah suai mengikut penetapan keberhasilan yang diguna pakai oleh IPGM. Data dianalisis secara deskriptif dan inferensi yang melibatkan peratusan, min, kekerapan, ujian t, ujian korelasi dan regresi berganda dengan menggunakan perisian SPSS.


ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Hasil penganalisan data yang diperoleh mendapati faktor penyumbang stres paling tinggi dalam kalangan pensyarah adalah dalam melaksanakan bidang tugas Amanah Tugas Pensyarah, diikuti faktor Tugas Norma Baharu dan faktor penyelidikan. Rajah 3 memaparkan faktor penyumbang stres pensyarah.



Rajah 3: Faktor penyumbang min stres pensyarah

Rajah 3 memaparkan faktor penyumbang stres dalam kalangan pensyarah di IPGK. Faktor ATP sebanyak min 2.75 adalah skor tertinggi diikuti min 2.68 bagi tugas norma baharu serta skor min 2.61 bagi faktor penyelidikan. Faktor tambahan yang mungkin menyumbang kepada stres pensyarah juga dikaji. Faktor ini ialah faktor persekitaran dalam menjalankan tugas. Faktor persekitaran ini didapati kurang sekali menyumbang kepada stres pensyarah berbanding dengan lima bidang tugas utama pensyarah seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 3. Nilai min tahap stres daripada faktor persekitaran ialah 2.21 dengan sisihan piawai 1.07.



Rajah 4: Keputusan hubungan stres dan kepuasan kerja pensyarah

Rajah 4, menunjukkan analisis hubungan stres dengan kepuasan kerja pensyarah dapat dilihat bahawa keputusan ujian korelasi Pearson terhadap stres (min = 2.50, SP = .95) dan kepuasan tugas pensyarah (min = 7.03, SP = 1.66), menunjukkan terdapat korelasi yang signifikan, dengan nilai $r = -.32$, $p < .001$.

Keputusan ini bermaksud wujud korelasi yang signifikan antara stres pensyarah dan kepuasan kerja pensyarah. Korelasi yang wujud ini walaupun sederhana tetapi adalah songsang, iaitu $r = -.32$. Dengan perkataan lain, stres yang tinggi akan memberikan kepuasan kerja pensyarah yang rendah dan bagi stres yang rendah, memberikan kepuasan kerja yang tinggi. Dapatan kajian agak menarik bagi perbezaan tahap stres antara pensyarah lelaki dan pensyarah perempuan, dan status perkahwinan pensyarah. Jadual 1 dan Jadual 2 memaparkan keputusan yang diperoleh.

Jadual 1: Keputusan ujian-t bagi perbandingan min stres pensyarah lelaki dan pensyarah perempuan

Jantina	N	Min	SP	Min Ralat Piawai	df	t	p
Lelaki	190	2.46	1.01	.07	381	-	.217
Perempuan	193	2.58	.88	.06		1.24	

Daripada Jadual 1, dapat dilihat bahawa keputusan ujian-t bagi perbandingan min tahap stres 190 orang pensyarah lelaki (min = 2.46, SP = 1.01) dan min tahap stres 193 orang pensyarah perempuan (min = 2.58, SP = .88), menunjukkan bahawa tidak wujud perbezaan yang signifikan, yang mana nilai $t(381) = -1.24$, $p = .217$. Keputusan ini bererti bahawa tidak wujud perbezaan yang signifikan antara min tahap stres pensyarah lelaki dan min tahap stres pensyarah perempuan.

Jadual 2: Keputusan ujian-t bagi perbandingan min stres pensyarah berkahwin dan pensyarah tidak berkahwin

Status Perkahwinan	N	Min	SP	Min Ralat Piawai	df	t	p
Berkahwin	351	2.50	.93	.05	381	1.44	.152
Tidak Berkahwin	32	2.75	1.11	.20			

Jadual 2 menunjukkan keputusan ujian-t bagi perbandingan min tahap stres 351 orang pensyarah berkahwin (min = 2.50, SP = .93) dan min tahap stres 32 orang pensyarah tidak berkahwin (min = 2.75, SP = 1.11), menunjukkan bahawa tidak wujud perbezaan yang signifikan, yang mana nilai $t(381) = 1.44$, $p = .152$. Keputusan ini bererti bahawa tidak wujud perbezaan yang signifikan di antara min tahap stres pensyarah berkahwin dan min tahap stres pensyarah tidak berkahwin.

Rumusan dapatan di atas, menunjukkan faktor penyumbang stres paling tinggi dalam kalangan pensyarah ialah faktor Amanah Tugas Pensyarah diikuti faktor mengendalikan tugas-tugas norma baharu semasa pandemik. Seterusnya faktor tugas penyelidikan, perkhidmatan dan penyeliaan merupakan faktor penyumbang kepada stres. Namun kajian Isa et al. (2021) menunjukkan hubungan negatif yang signifikan di antara stres pensyarah dan kepuasan kerja pensyarah. Hubungan negatif ini bermaksud bahawa sekiranya tahap stres tinggi, kepuasan dalam menjalankan tugas adalah rendah, dan begitulah sebaliknya. Dapatan kajian ini selaras dengan pandangan Groot dan VanDen Brink (1999), bahawa kepuasan kerja akan semakin berkurangan apabila masa bekerja bertambah.

Selain daripada itu, dapat dirumuskan juga bahawa tahap stres yang dihadapi adalah sama untuk pensyarah lelaki dan pensyarah perempuan, yakni tidak wujud perbezaan min tahap stres yang signifikan antara pensyarah lelaki dan pensyarah perempuan. Dapatan ini selaras dengan kajian Adam et al. (2020), yang mengenal pasti bahawa pelajar lelaki dan perempuan masih mampu mengawal konflik stres yang dialami. Begitu juga keadaannya dengan status perkahwinan pensyarah, iaitu tidak wujud perbezaan min tahap stres yang signifikan antara pensyarah yang berkahwin dengan pensyarah yang belum berkahwin. Dapatan ini disokong dengan kajian oleh Bird dan Ross (1993), dan Mirowsky dan Ross (1992) yang bersetuju bahawa individu yang berpendidikan tinggi mempunyai kadar kawalan diri yang tinggi dalam beberapa situasi pengurusan kerja, kepimpinan kerja berbanding dengan individu yang kurang berpendidikan. Kawalan diri yang

tinggi juga membolehkan individu membuat persediaan diri untuk berhadapan dengan sesuatu yang tidak dapat dielakkan atau dijangkakan (Ahmad, 2008). Satu lagi kajian Ghania et al. (2014), menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara stres dalam kalangan guru pendidikan khas dengan faktor jantina, status perkahwinan, dan kelayakan akademik. Hasil kajian menunjukkan bahawa tiada perbezaan gender dalam tahap stres, yang bermaksud bahawa pensyarah lelaki dan perempuan kelihatan mempunyai tahap stres yang sama. Keputusan ini konsisten dengan penemuan Abouserie (1996), Tuettemann dan Punch (1990), Spooner (1984), dan Zakiah (2003), tetapi tidak dengan Dussault (1997), Siti Rohaini (1991), Kyriacou dan Sutcliffe (1978), dan Borg et al. (1991) yang mempunyai keputusan yang berbeza berdasarkan isu gender. Kajian ini juga menunjukkan bahawa tahap stres dalam kalangan pensyarah di IPG tidak dipengaruhi oleh status perkahwinan mereka. Keputusan ini tidak konsisten dengan dapatan Gold dan Roth (1993), yang menyatakan guru bujang menunjukkan tahap tekanan yang lebih tinggi berbanding mereka yang sudah berkahwin.

KESIMPULAN DAN CADANGAN

Isu stres tidak boleh dianggap ringan, memandangkan kesannya adalah sangat besar kepada individu, organisasi dan institusi. Jika para pensyarah tidak dapat mengawal stres yang dihadapi dalam diri, kemungkinan mereka akan berhadapan dengan masalah kesihatan. Lantaran, pensyarah tidak dapat mengendalikan bebanan tugas di tempat kerja dengan rela akan memohon pertukaran atau persaraan lebih awal. Hal ini sungguh merugikan organisasi IPGM, bukan sahaja kehilangan pensyarah tetapi segala kepakaran, pengetahuan dan pengalaman turut terkubur. Oleh itu isu stres di tempat kerja perlu diberi perhatian serius oleh para pentadbir. Suasana kerja yang kondusif dan tenang tanpa stres amat penting dalam diri seseorang pensyarah. Emosi dan mental para pensyarah tidak kira kaum wanita mahupun kaum lelaki perlu dijaga rapi demi menjaga kualiti perkhidmatan yang terbaik kepada pelanggan seperti siswa pendidik, komuniti sosial dan masyarakat amnya.

RUJUKAN

- Ab Wahid, M. K., Kim, G.S., Kim, L.S. & Swee, L.O. (2021). Comparison of stress contributing factors based on teaching experience among secondary school physical education teachers in Selangor, Malaysia. *Malaysia Journal of Movement Health & Exercise*, 10, 2, 133-137.
- Ahmad, A. (2008). Kepentingan pendidikan dalam pembentukan kualiti hidup sejahtera. *Malaysian Education Dean's Council Journal*, 2, 1-8.
- Alias, B. (1992). *Statistik penyelidikan dalam pendidikan dan sains sosial*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Awadhash, K. S. (2015). Reliability, validity and factorial structure of the occupational stress scale for physical education teachers. *Journal of the Romanian Sports Medicine Society*, 3, 2609-2616
- Bird, C.E. & Ross, C.E. (1993). Houseworkers and paid workers: Qualities of the work and effects on personal control. *Journal of Marriage and the Family*, 55, 913-925.
- Borg, M. G., Riding, R. J. & Falzon, J. M. (1991). Stress in Teaching: A Study of Occupational Stress and Its Determinants, Job Satisfaction and Career Commitment Among Primary Schoolteachers. *Educational Psychology*. 11 (1): 59 – 75.

- Boyle, G. J., Borg, M. G., Falzon, J. M., & Baglioni, A. J. Jr. (1995). A structural model of the dimensions of teacher stress. *British Journal of Educational Psychology*, 65, 49-67. doi: 10.1111/j.2044-8279.1995.tb01130.x
- Chan, C. M., Chong, S. M., Chong, Y. S., & Tang, C. U. (2015). The influence of job stress, burnout and job satisfaction among primary school teachers in Ipoh. (Unpublished final year project). Universiti Tunku Abdul Rahman. <http://eprints.utar.edu.my/id/eprint/1514>
- Costa. (2003). Work Team Trust and Effectiveness. DOI: [10.1108/00483480310488360](https://doi.org/10.1108/00483480310488360)32(5):605-622
- Cox, T., Boot, N., Cox, S. & Harrison, S., (1988). Stress in schools: an organisational perspective. *Work and stress*, 2(4), 353-363.
- Cyrill, F. G., Hassan, M. M., & Wan Hamzah, W.N.N. (2020). Faktor-faktor yang mempengaruhi tekanan kerja di kalangan kakitangan hospital kerajaan. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, Volume 5, Issue 10, (page 151 - 177), DOI: <https://doi.org/10.47405/mjssh.v5i10.522>
- Dzulizzi, S. (2011). *Hubungan tekanan kerja terhadap prestasi kerja*. Sarawak, Universiti Malaysia Sarawak.
- Fazura, M.N. (2011). *Faktor-faktor penentu stres dalam kalangan guru-guru: Kajian di sekolah rendah mubaligh di Kuala Lumpur*. Laporan akhir projek ini dikemukakan untuk memenuhi sebahagian daripada syarat bagi memperolehi Ijazah Sarjana Pendidikan Open University Malaysia.
- Ganesh, S., Dharmalingam, M., & Marcus, R. S. (2012). Oxidative stress in type 2 diabetes with iron deficiency in Asian Indians. *Journal of Medical Biochemistry*, 31(2), 115-120.
- Ghania, M.Z., Che Ahmad, A., & Ibrahim, S. (2014). Stress among Special Education Teachers in Malaysia. *Procedia-Social and Behavioral Sciences*.114 (2014) 4-13
- Girdano, et al. (1979). *Controlling stress and tension: A holistic approach*. Englewood Cliffs, N.J.: Prentice-Hall
- Gold, Y. & Roth, R. A. (1993). *Teachers Managing Stress and Preventing Burnout - The Professional Health Solution*. London: The Falmer Press.
- Groot, W. & VanDen Brink, H.M. (1999). Job satisfaction of older workers. *International journal of Manpower*, 20(6): 343-360.
- Haring-Hidore, M., Stock, W. A., Okun, M. A., & Witter, R. A. (1985). Marital status and subjective well-being: A research synthesis. *Journal of Marriage and the Family*, 947953.
- Hsu, T. L., & Barrett, A. E. (2020). The Association between Marital Status and Psychological Well-being: Variation across Negative and Positive Dimensions. *Journal of Family Issues*, 41(11), 2179–2202. <https://doi.org/10.1177/0192513X20910184>.
- Ibrahim, A. B. (1995). *The development and Use of High Malay*. In Kongres Bahasa Melayu Sedunia: Kumpulan Kertas Kerja, Vol 1, 587 – 598. Dewan Bahasa dan Pustaka
- Isa, Wan Muda, W.H., Paim, L., Alavi, K., Md. Shah, J. & Jamil, N.A. (2021). Kelaziman punca tekanan pensyarah di universiti awam malaysia Special Issue: Vol 18. No.2.84-97. ISSN:

1823-884x Theme: Society, Social Change and Development 84. Jurnal of Social Sciences and Humanities.

- Ismail, S. N., & Abdullah, A. S. (2019). A structural equation model describes factors contributing to teachers' job stress in primary schools. *International Journal of Instruction*, 12(1), 1251-1262. doi: 10.29333/iji.2019.12180a.
- Kalia, M. (2002) Assessing the Economic Impact of Stress—The Modern-Day Hidden Epidemic. *Metabolism*, 51, 49-53. <http://dx.doi.org/10.1053/meta.2002.33193>
- Kamaruddin, K. (2007). Tekanan kerja di kalangan guru sekolah menengah. *Jurnal Kemanusiaan*. bil.10, Disember 2007
- Klassen, R., & Chiu, M. M. (2010). Effects on teacher's self-efficacy and job satisfaction: Teacher gender, years of experience, and job stress. *Journal of Educational Psychology*, 102(3), 741-756. doi: 10.1037/a0019237.
- Kreitner, R. & Irwin, K.A. (2000). *Organization behaviour*. (Ed. Ke-5). USA: McGraw-Hill.
- Kyriacou, C & Sutcliffe, J. (1978). Teacher Stress: Prevalence, Sources and Symptoms. *British Journal of Educational Psychology*. 48: 159-167
- Landy, F. J., & Conte, J. M. (2004). *Work in 21st Century, An introduction to Individual and organizational psychology*. New York: McGraw Hill.
- Lemaire, J. (2009). Addressing teacher workload. *Education*, 90(9), 6.
- Lessard, S. & Baldwin, B. (1999). *Net slaves: True tales of working the web*. McGraw-Hill, New York.
- Manshor, A. T. Fontaine, R. & Choy, C. S. (2003). Occupational stress among managers: A Malaysian survey. *Journal of Managerial Psychology* 18(6): 622-628
- Matud, M. P. (2004). Gender differences in stress and coping styles. *Personality and Individual Differences*, 37(7), 1401–1415. <https://doi.org/10.1016/j.paid.2004.01.010>
- McDonough, P., & Walters, V. (2001). Gender and health: Reassessing patterns and explanations. *Social Science & Medicine* (1982), 52(4), 547–560. [https://doi.org/10.1016/S0277-9536\(00\)00159-3](https://doi.org/10.1016/S0277-9536(00)00159-3)
- Mirowsky, J. dan Ross, C.E. (1992). Age and depression. *Journal of Health and Social Behavior*, 33, 187–205.
- Misra, R., & McKean, M. (2000). College students' academic stress and its relation to their anxiety, time management, and leisure satisfaction. *American Journal of Health Studies*, 16(1), 41–51
- Mohd Soffian, O. (2021). Laporan Khas: Pekerja Malaysia makin tertekan <https://www.sinarharian.com.my/article/136345/LAPORAN-KHAS/Pekerja-Malaysia-makin-tertekan>.
- Mullins, J. (2002). *Management & organization behavior*. (Ed. Ke-6). USA: Prentice Hall.
- Narayanan, L., Menon, S., & Spector, P. (1999). Stress in the workplace: A comparison of gender and occupation. *Journal of Organizational Behavior*, 20(1), 63–73. [https://doi.org/10.1002/\(SICI\)1099-1379\(199901\)20:13.0.CO;2-J](https://doi.org/10.1002/(SICI)1099-1379(199901)20:13.0.CO;2-J)

- Nelson, D. L. & Quick, J. C. 2013. *Organizational behavior: science, the real world, and you*. 8th Ed. West Publishing Company, St. Paul, MN.
- Nobile & McCormick. (2005) Job Satisfaction and Occupational Stress in Catholic Primary Schools
A paper presented at the Annual Conference of the Australian Association for Research in Education, Sydney, November 27th– December 1st, 2005.
- Nor Hisham, A. (2019). *Kenyataan akhbar Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia Hari Kesihatan Mental Sedunia 2019*. Tema: “Sayangi Nyawa Hidupkan Harapan”
- Nordin, N. & Hassan, M. M. (2019). Faktor-faktor yang mempengaruhi komitmen prestasi kerja dalam kalangan penjawat awam. Kajian rintis di Jabatan Kemajuan Masyarakat, Negeri Pulau Pinang. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 4(7), 11-20. doi: <https://doi.org/10.47405/mjssh.v4i7.303>.
- Oliver, M. A., & Venter, D. J. (2003). The extent and cause of stress in teachers in the George region. *South African Journal of Education*, 23(3), 186-192.
- Punitha, M., Abas, S., Mohd Ali, A., Mohamad, M.S., Zakariya, K., Chua, C.S., & Chin, C. K. (2022). *Stres dan Kepuasan terhadap Tugas Pensyarah Institut Pendidikan Guru Malaysia*. Percetakan Hijrah: Pulau Pinang.
- Raja Maria, D. R. (2011). Faktor-faktor yang mendorong tekanan kerja (stres) dalam kalangan guru sekolah menengah di daerah Pasir Puteh. <http://library.oum.edu.my/repository/id/eprint/666>
- Rees, C. F. & Redfern, D. (2000). Recognising the perceived causes of stress – A training and development perspective. *Industrial and Commercial Training* 32(4): 120-127.
- Riaz, A. & Khan, S. (2012). Relationship of emotional intelligence and stress at workplace: Taking in perspective the public and private sector Universities of Peshawar. *European Journal of Economics, Finance and Administrative Sciences* 46: 88-96.
- Rohany, N. & Fatimah, O. (2006). *Kesejahteraan manusia: Perspektif psikologi. Kajian tekanan kerja dan kesihatan pekerja*. Universiti Kebangsaan Malaysia. Selangor.
- Rohany, N. & Nor Eda, N. (2001). Tekanan kerja, tekanan rumahtangga dan komitmen kerjaya di kalangan pegawai wanita Polis Di Raja Malaysia. *Jurnal Psikologi*.
- Sasongko, S. S. (2009). *Konsep dan Teori Gender*. BKKbN. Cetakan ke-2 Jakarta Indonesia
- Sekaran, U. & Bougie, R. (2016). *Research methods for business* (7th Edition). John Wiley & Sons Limited.
- Senthilkumar, R. (2018). Job stress among teachers in arts and science colleges: A study with reference to Pudukkottai district of Tamil Nadu. *Research Journal of Social Sciences*, 9(3), 84-97
- Sipon, S. (2010). Pengurusan stres. In *Kursus Pengurusan Stres di Maktab Sabah Sekolah Psikologi dan Kerja Sosial*. Universiti Malaysia Sabah
- Suzana, M.H. & Siti Marziah, Z. (2021). Kesejahteraan psikologi dalam kalangan orang dewasa bujang dan berkahwin: Satu kajian perbandingan. *Journal of Social Sciences and Humanities. Special Issue: Vol. 18. No.6 (2021)*. 134-145. ISSN: 1823-884x

- Syed Sofian, S.S. & Rohany, N. (2010). Kesan kecerdasan emosi ke atas tekanan kerja dan niat berhenti kerja profesion perguruan. *Jurnal e-Bangi*, Volume 5, Number 1, 53-68, ISSN: 1823-884x.
- Tajulashikin, J., Fazura, M. N., & Mohd Burhan, I. (2017). Faktor-faktor penentu stres dalam kalangan guru: Sekolah rendah mubaligh di Kuala Lumpur. *JuKu: Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 1(2), 1-11
- Yahya, H. (Januari 20, 2019). *Kaji punca stres kakitangan awam – CUEPACS*. Berita Harian diperolehi dari <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2019/01/521912/kaji-punca-stres-kakitangan-awamcuepacs>
- Thomas, P. A., Liu, H., & Umberson, D. (2017). Family relationships and well-being. Innovation in aging, 1(3), 1-11. Valli, L., & Buese, D. (2007). The changing roles of teachers in an era of high-stakes accountability. *American Educational Research Journal*, 44(3), 519.
- Zafir, M.M., Norliza, A. & Nor Azuan, H. (2013). Stres di tempat kerja: Isu global dalam melestarikan organisasi. *Jurnal e-Bangi Journal Social Science and Humanities UKM* Vol. 8, No.041-059.
- Zahiruddin, O., & Vevehkanandar, S. (2019). Depression, anxiety, and stress among secondary school teachers in Klang, Malaysia. *International Medical Journal*, 26(2), 71-74. doi: 10.5281/zenodo.2586221.
- Zakiah, A. (2003). Stres Kerja di Kalangan Guru-guru Sekolah Rendah: Satu Kajian di ZonBandar, Kota Tinggi, Johor. Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Sarjana.
- Zawanah, M.R. (2015). *Hubungan antara faktor tekanan dengan kesan tekanan dan prestasi kerja guru di sekolah menengah daerah Kota Tinggi, Johor*. Disertasi Ijazah Sarjana Sains (Pembangunan Sumber Manusia) Fakulti Pengurusan Universiti Teknologi Malaysia.
- Zuckerman, D. M. (1989). Stress, self-esteem, and mental health: How does gender make a difference? *Sex Roles*, 20(7–8), 429–444. <https://doi.org/10.1007/BF00288001>